

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

6hb Oktober, 1970.

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 21
TAHUN 1970.**

**Perubahan gaji dan syarat2 perkhidmatan
di-dalam Bahagian IV di-Malaysia Barat
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1970.**

Saya di-arah mengemukakan penjelasan mengenai berbagai2 perkara yang dibangkitkan oleh Ketua2 Jabatan, berhubung dengan pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/1970](#) mengenai sekatan2 yang terdapat dalam tangga gaji berseh seperti berikut:

(i) Sekatan Pertama

Sekatan ini ia-lah Sekatan Perchubaaan. Jika sekiranya satu2 sekim perkhidmatan yang tertentu mensyaratkan pepereksaan dalam tempoh perchubaaan itu, maka sekatan ini akan menjadi Sekatan Pepereksaan.

(ii) Sekatan Kedua

Sekatan kedua ia-lah Sekatan Kecekapan. Jika sekira-nya satu2 sekim perkhidmatan yang tertentu mensyaratkan Pepereksaan Kedua maka sekatan ini ada-lah merupakan Sekatan Pepereksaan Kedua;

(iii) Sekatan yang terdapat dalam jawatan Kenaikan Pangkat

Jika sekira-nya terdapat sekatan dalam jawatan yang di-isi sechara kenaikan pangkat, maka sekatan ini hanya-lah di-kenakan bagi lantekan terus ka-jawatan itu sahaja dan tidak terpakai bagi pegawai2 yang dinaikkan pangkat. Sekatan ini ia-lah Sekatan Perchubaaan.

Saya yang menurut perintah,

(YANG AMRI BIN KAMARUDDIN)
Bahagian Perjawatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

Ketua Setia Usaha2 Kementerian.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

salinan: Ketua Setia Usaha,
Surohanjaya Perkhidmatan Awam,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.

" Yang berhormat,
Setia-Usaha2 Kerajaan Negeri,
(Malaysia Barat).